

518

# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI  
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 12 RABU 24 MACH 1971 1391 رابو 27 محرم PERCHUMA

## HARGA BERAS MUNGKIN TURUN

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Harga beras di-Brunei mungkin akan turun dalam sedikit masa lagi berikutan dengan perundingan yang telah di-adakan baru2 ini antara pegawai2 kanan Kerajaan dengan pihak Negeri Thai.

Dalam bulan lepas, Setia Usaha Kerajaan Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara

Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan Pengawal Sektor2 Kerajaan dan Perbekalan, Awang Anthony Newn telah berlepas ka-Negeri Thai untuk mengadakan perundingan2 berhubung dengan pembekalan beras ka-negeri ini.

Namun demikian, menurut Awang Anthony Newn ketika di-temui hari ini, bahawa penurunan penoh harga2 beras itu tidak akan di-kenakan segera, kerana Setor2 Negara maseh menyimpan sa-jumlah 7,000 tan yang di-beli dengan harga yang lama.

Walaupun bagitu, kata-nya, Kerajaan berhadang untuk menurunkan harga beras yang ada sekarang sa-hingga 30 sen sa-gantang dalam minggu2 yang akan datang.

Sa-telah berlaku-nya penurunan itu, jelas beliau, Kerajaan berharap akan dapat lagi mengurangkan harga tersebut sa-hingga kebawah \$2.00 pada satu gantang pada hujung tahun ini sa-telah di-adakan semakan2 yang teliti.

Beliau menasihatkan kepada orang ramai supaya jangan terburu2 dalam menerima perkembangan yang baik ini sa-hingga Kerajaan mengeluarkan siaran khas yang akan di-buat tidak lama lagi.

(Lihat Muka 8)



## Pancharagam2 AMDB dan Pulis Di-Raja tunjukkan permainan di-Australia

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pasokan2 pancharagam Askar Melayu Di-Raja dan Pulis Di-Raja Brunei akan bergabung untuk mengambil bahagian dalam Pertunjukan Royal Easter di-Sydney, Australia dari 2 hingga 13 April.

Ahli2 pasokan pancharagam itu telah berlepas ka-Singapura

dalam tiga kumpolan ia-itu pada 19, 21 dan 22 Mach yang lalu, dengan menaiki kapal terbang baru Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Sa-lain dari mempersembahkan dua pertunjukan sa-hari di-temasha Pertunjukan Royal Easter itu, pasokan2 pancharagam yang bergabung itu akan bermain di-satu perbarisan istiadat di-Tugu Peringatan di-tengah2 Bandar Raya Sydney pada 1 April.

Dari Singapura ahli2 pasokan pancharagam itu telah berlepas ka-Sydney dengan kapal terbang Angkatan Udara Di-Raja. Dalam rombongan itu terdiri dari 110 orang anggota.

Rombongan itu akan terbang balek ka-Singapura dengan sa-buah kapal terbang yang di-sewa khas dan di-jadualkan tiba di-tanah ayer pada 16 April.

Turut mengucapkan selamat belayar kepada pasokan itu ia-lah Pegawai Pemerintah AMDB, Lt. Col. Dato J.J.H. Simpson dan beberapa orang pegawai2 AMDB dan Pulis Di-Raja Brunei (gambar atas) pada penerbangan yang pertama ia-itu hari Jumaat lepas.



**INI-LAH** bentuk duit shiling \$1.00 Brunei untuk chenderamata yang akan di-keluarkan bulan depan dengan harga \$15.00 sa-keping. Duit shiling ini di-buat khas daripada logam yang di-sapoh berkilat dan akan mula di-jual melalui bank2 tempatan pada 2 April ini, dan mulai 3 April melalui Lembaga Mata Wang Brunei. Wang untuk chendermata ini hanya di-buat sa-banyak 4,000 keping saja.

## Laporan lengkap kemalangan2 dan ganti rugi

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pesuruhjaya Buroh telah mengumumkan baru2 ini bahawa beliau telah memeriksa dan memperbaiki peratoran2 bagi pemeriksaian tempat2 pekerjaan bagi memberikan kemudahan, yang selaras dengan Perjanjian Buroh Antara Bangsa No. 81.

Pesuruhjaya itu telah mengumpul laporan yang lengkap, mengenai kemalangan2 perindustrian dan ganti rugi pekerja2 bagi 1970. (Laporan ini akan di-siarkan pada minggu depan.)

Laporan itu menyatakan bahawa ada terdapat 149 kejadi-

## Pekerja2 tahun 1970

an yang boleh di-berikan ganti rugi dalam tahun lepas dan di-antara-nya 137 telah di-selesaikan, sembilan kejadian belum di-selesaikan dan tiga tuntutan telah di-gugurkan atau di-batalkan oleh pihak2 yang menuntut itu.

Laporan itu berkata, Undang2 Ganti Rugi Pekerja2, mensharatkan bagi pembayaran ganti rugi kepada semua pekerja2 yang menggunakan ta-


ngan tanpa di-hadkan kepada pendapatan dan juga kepada lain2 pekerja yang pendapatannya, tidak melebihi dari \$500.00 sa-bulan.

Tetapi syarat itu tidak meliputi orang2 gaji di-rumah atau pekerja sambilan dan juga tidak meliputi pegawai2 pulis atau anggota pasokan2 bersenjata.

Undang2 itu juga mengenakan tingkatan ganti rugi dalam hal kematian, atau kechederaan ka-atas sa-orang pekerja.

Pesuruhjaya Buroh itu berkata, laporan itu belum lagi di-terbitkan, tetapi beberapa salinan yang terhad bilangan-nya boleh di-bekalkan oleh jabatan-nya kepada orang2 dan pertubohan2 yang ingin mendapatkan-nya.





**G**AMBAR atas menunjokkan tiga orang pegawai luar dari Jabatan Pertanian yang telah berlepas ka-Kuching untuk menghadiri kursus di-sana.

Dari kiri: Awang Ariff bin Bolhassan, Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Awang Mohammad bin Haji Tudin.

Mereka akan menjalani kursus di-Pusat Latehan Hasil Bumi Semongok sa-lama enam bulan.

### Jadual pemereksaan sukatan dan timbangan di-Daerah Tutong

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pegawai2 dari Jabatan Sukatan dan Timbangan akan melawat Pekan Tutong, Penanjong, Telisai dan Danau dari 23 Mach hingga 28 Mach, untuk memereksa alat2 sukatan dan timbangan di-kawasan2 itu.

Pada 29 Mach, rombongan itu akan berada di-Tunggulian dan Sungai Liang.

## Peratoran2 yang di-patohi dalam perkhidmatan bungkusan di-Pejabat Pos

**K**EBANYAKAN daripada orang ramai telah ma'alom bahawa ada dua chara perkhidmatan bungkusan di-Pejabat2 Pos di-Brunei, ia-itu, (i) Perkhidmatan bungkusan biasa; dan (ii) Perkhidmatan bungkusan COD.

Ramai daripada tuan2 belum faham bagaimana perkhidmatan ini sabenar-nya dijalankan dan apakah peratoran2 yang harus di-ikuti oleh orang ramai. Berikut ia-lah huraian sechara ringkas peratoran2 tersebut:—

(i) Bila bungkusan2 di-terima di-pejabat ini dari Pejabat Perkhidmatan Pos lain, sa-bagaimana yang tuan2 telah mengetahui, bahawa bungkusan2 ini ada-lah di-simpan di-dalam guni2 khas.

Kerani2 dan posmen2 di-bahagian Perkhidmatan Bungkusan bertugas membuka guni2 bungkusan itu, dan membahagikan - nya kepada dua bahagian, ia-itu Bungkusan Biasa dan Bungkusan COD.

Bila pembahagian sudah siap, maka bungkusan2 itu pun di-rekod ka-dalam "Record-Book". Berkenaan dengan bungkusan2 COD sa-lepas dimasokkan ka-dalam rekod, di-pereksa dan di-kira baru-lah di-kirim resit kepada si-penerima, menunjukkan bahawa bungkusan itu sudah sampai.

Itu-lah sebab-nya selalu di-dapati bungkusan2 di-bilek bungkusan di-pejabat ini sa-lama satu atau dua hari sa-lepas di-terima dan sa-belum di-bahagi2kan.

(ii) Sekarang kita beraleh pula kepada penyerahan2 bungkusan dari pejabat ini.

Berkenaan dengan bungkusan2 COD Pejabat Pos Brunei (bagitu juga di-Singapura dan Malaysia) hanya di-benarkan menyimpan atau menahan bungkusan2 tidak lebeh dari 3 minggu dari masa bungkusan2 itu di-terima.

Kalau si-penerima bungkusan2 COD, sa-lepas di-beri tahu beberapa kali tidak juga datang untuk mengambil bungkusan2 itu, kami tidak dapat berbuat apa2 sa-lain daripada mengembalikan bungkusan2 itu kepada si-pengirim.

Ini ada-lah di-kehendaki oleh Undang2 Pos dan Jabatan Odit mempunyai kuasa untuk memastikan bahawa undang2 tersebut di-jalankan, semasa menjalankan pemereksaan tahunan mereka.

Berkenaan dengan bungkusan biasa, pejabat ini hanya boleh menyimpan-nya sa-lama tidak lebeh daripada 30 hari untuk di-serahkan kepada si-penerima, mengikut Undang2 Pos, selepas itu kalau belum lagi di-tuntut, bungkusan2 itu akan di-kembalikan terus kepada si-pengirim atas perbelanjaan-nya sendiri.

Dari itu dengan hormat-nya, di-minta tuan2 mengambil bungkusan tuan sa-lepas saja tuan di-beri tahu, tidak lewat daripada masa yang di-tetapan.

## Penuntut tinjau Pusat Pertanian

**KILANAS.** — Lima belas orang penuntut Brunei di-Malaysia Barat yang sekarang sedang berchuti di-tanah ayer telah melawat Pusat Pertanian di-Kilanas dan ladang ternakan di-Jerudong pada minggu lalu.

Penuntut2 itu ada-lah dari Universiti Malaya, Maktab Pertanian, Serdang dan Maktab Teknikal Mara.

Mereka telah di-temani dalam lawatan itu oleh guru2 urusan rumah tangga Jabatan Pertanian, Dayangku Halimah binte Pengiran Datu Penghulu

Pengiran Haji Apong dan Dayang Rauyah binte Abdul Rahman.

Dayangku Halimah dan Dayang Rauyah baru saja tamat menjalani kursus sains urusan rumah tangga di-Maktab Pertanian, Sabah.

Pegawai Haiwan Awang Subramaniam menerangkan sa-suatu kepada penuntut2 itu ketika mereka melawat ka-ladang ternakan di-Jerudong.



## Permohonan memasoki kelas2 ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Jabatan Hal Ehwal Ugama maseh lagi menerima permohonan2 untuk memasoki kelas2 dewasa ugama diseluruh negeri.

Sa-orang juruchakap bagi jabatan itu berkata, mereka yang ingin memasoki kelas tersebut di-minta mendapatkan borang2 permohonan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Pelajaran di-Bandar Seri Begawan; Kuala Belait; Tutong dan Temburong atau dari guru2 pelajaran dewasa ugama di-kampung2 atau sekolah2 yang mengadakan kelas2 itu.

Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 31 Mach.



**SA-SUNGGOH-NYA** sa-tiap orang2 itu ada-lah menanggung amanah yang mesti ditunaikan. Perkara ini tidak-lah ada kechuali-nya bagi sa-tiap orang yang mempunyai akal fikiran yang waras. Amanah itu dapat kita bahagikan kepada tiga bahagian:

**Yang pertama:** Amanah sa-seorang kepada U gama-nya, kapada keyakinan dan kapada hati sanubari-nya. Sa-seorang itu ada-lah di-kehendaki supaya menunaikan amanah2 tersebut sesuai dengan surohan2 Allah yang telah di-tetapkan menerusi ajaran2 Islam. Kita patut-lah bershukor kerana kita ada-lah termasuk orang2 yang menganut ugama yang di-redhai oleh Allah ia-itu U gama Islam.

Kapada sa-tiap diri orang Islam dengan sendiri-nya adalah memegang amanah supaya menunaikan surohan2 ugama-nya. Tidak menyelewing daripada iktikat2 yang betul, tidak melawan kata hati sanubari yang sentiasa mengajak ka-jalan yang benar dan tidak menchuaikan surohan2 ugama. Belum-lah di-katakan menunaikan amanah jika sa-seorang itu hanya mengaku diri-nya Islam padahal ia-nya menchuaikan ugama-nya.

**Yang kedua:** Amanah sa-seorang terhadap diri dan pancha-ndera-nya sendiri. Sa-benar-nya pancha-ndera sa-seorang itu telah pun di-kurniakan Allah untuk di-pergunakan bagi mendapatkan perkara yang berfaedah lagi berkebajikan.

Pancha-ndera ada-lah merupakan pintu untuk sampai kapada segala ilmu pengetahuan serta bagi mengasah dan mempersuburkan akal fikiran. Maka kita ada-lah bertanggung-jawab menunaikan amanah bagi sa-tiap panch-ndera, bakat2 dan kebolehan2 berfikir masing2. Pancha-ndera penglihatan hendak-lah jangan di-pergunakan bagi keperluan2 untuk menekmati benda2 yang haram. Telinga hendak-lah jangan di-pasang bagi mendengar kata2 yang buruk dan sia2 dan bagitu-lah sa-terusnya dengan lain2 pancha-ndera sedangkan kebolehan berfikir pula jangan-lah hendak-nya di-pergunakan untuk menchari jalan seperti jalan2 yang salah, jalan2 untuk menipu, menchuri dan sa-bagai-nya.

Kepintaran berfikir patut-lah jangan di-pergunakan untuk menchari jalan2 gelap yang bertujuan untuk mengelirukan pandangan orang ramai supaya diri kita dapat mengerjakan maksiat dan menemui perempuan2 jalang, dapat menemui rumah2 judi dan sa-bagai-nya.

Tetapi kebolehan dan kepintaran berfikir patut-lah di-pergunakan untuk kepentingan

# SA-TIAP ORANG MENANGGONG AMANAH YANG MESTI DI-TUNAIKAN

## KHUTBAH JUMA'AT

**"Kepintaran berfikir bukan di-gunakan untuk mengerjakan perkara2 maksiat seperti menemui perempuan2 jalang, rumah2 judi dan lain2-nya"**

an yang berkebajikan baik untuk diri sendiri dan keluarga mahu pun untuk bangsa dan negara. Bagi mereka yang berkebolehan berfikir dengan baik patut-lah menchari jalan2 untuk menambahkan lagi ketinggian tarap hidup diri masing2 dan tarap hidup masyarakat seluruh-nya.

**Yang ketiga:** Amanah terhadap masyarakat yang mana tanggung-jawab ini meliputi sa-tiap perkara yang ada hubungan-nya dengan masyarakat, sa-seorang yang di-amanahkan memegang sa-sua-tu jawatan atau tugas2 tertentu umpama-nya, bukan-lah hanya bertanggung jawab terhadap ketua-nya, tetapi juga bertanggung-jawab terhadap orang ramai.

Ia-nya mesti-lah menunaikan amanah dan tanggung-jawab-nya dengan penoh jujur dan ikhlas. Perkara ini tidak-lah terkechuali bagi sa-rendah2 mahu pun sa-tinggi2 pegawai atau pekerja itu. Sa-orang buroh bandaran umpama-nya, jika sa-kira-nya ia chuai menjalankan tugas-nya tentu-lah boleh mendatangkan kotor satu2 bandar itu.

Jika bandar itu kotor, akibat-nya boleh pula mendatangkan berbagai2 penyakit kapada penghuni bandar tersebut di-samping menampakkan nama yang kurang baik terhadap bandar yang ia-nya bertugas membersehkannya. Bagitu-lah saterus-nya dengan lain2 tugas yang ada hubungan-nya dengan masyarakat. Ia-nya ada-lah merupakan amanah yang mesti di-tunai-kan dengan jujur dan ikhlas.

Maka dengan ini ada-lah di-serukan supaya kita sen-

tiasa jujur dan ikhlas pada menunaikan amanah2 yang tertanggung dan yang di-tanggungkan kapada kita supaya dengan demikian akan terpelihara-lah kita daripada perbuatan2 khianat baik terhadap diri sendiri mahu pun terhadap ugama, bangsa dan tanah ayer.

**Pendaftaran  
utk. tunaikan  
haji mulai  
di-terima**

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Orang2 Islam di-negeri ini yang ingin menunaikan fardhu haji dalam musim haji 1972 sekarang boleh mendapatkan borang2 permohonan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, di-Bandar Seri Begawan, dan pejabat2 ugama di-Kuala Belait, Tutong dan Temburong.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, pendaftaran yang telah bermula pada 20 Mach itu akan di-tutup pada 1 Mei tahun ini.

Juruchakap itu berkata, bakal2 haji itu hendak-lah membawa bersama2 mereka pada masa pendaftaran itu surat2 beranak dan kad2 pengenalan mereka.

Mereka yang pergi dengan kapal laut mesti-lah juga menyediakan tiga keping gambar sendiri ukuran paspot dan mereka yang akan pergi dengan kapal-terbang hanya di-kehendaki membawa sa-keping gambar ukuran paspot.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24 Mach, 1971 hingga ka-hari Selasa 30 Mach, 1971 ada-lah seperti di-bawah ini:—*

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Matahari Terbit
24 Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23	
25 Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23	
26 Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	
27 Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	
28 Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	
29 Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	
30 Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.*

## "TAMU" BELIA2 DI-MUARA

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Satu tamu champoran bagi ahli2 persatuan2 belia Daerah Brunei/Muara akan di-adakan di-Pantai Muara pada 18 April mulai jam 8.00 pagi hingga 6.30 petang.

Tamu itu di-anjorkan oleh Persatuan Angkatan Belia Burong Pinggai Berakas dan Persatuan Ikatan Belia Berakas.

Antara acara yang akan di-persembahkan di-tamu itu ia-lah peraduan tari menari, pakaian beragam, sepak raga, bola tampar dan lagu2 permintaan.

Satu peraduan binaan dari pasir akan juga di-adakan bagi kanak2.

Persatuan PERTIWI dan Persatuan Kumpulan Perempuan di-Bandar Seri Begawan akan juga mengambil bahagian dalam tamu itu.

Sa-orang juruchakap bagi jawatankuasa penganjur itu telah berkata jualan kueh muel dan minuman akan juga di-adakan di-tamu itu.

Beliau berkata jawatankuasa itu akan mendirikan warong2 di-pantai itu yang akan di-sewakan dengan harga \$10.00 tiap sa-buah.





### HARGA BERAS

HARGA beras mungkin akan datang ini sa-hingga 30 sen bagi tiap2 satu gantang yang bermula orang ramai akan dapat membeli beras dengan harga hanya \$2.20 sahaja. Harga sekarang ia-lah \$2.50 sen satu gantang. Penurunan ini tidak hanya di-lakukan dalam periklat ini sahaja, tetapi ia-nya mungkin pula akan jatuh sa-hingga ke-hawah \$2.00 bagi satu gantang sama ada pada penghujung tahun ini atau pada awal tahun depan. Ini ada-lah bergantung kepada penemuan2 yang teliti.

Penurunan harga2 beras ini ada-lah merupakan satu berita yang amat mengembirakan orang ramai, kerana bukan hanya di-sehkan beras menjadi bekalan yang simas, tetapi juga dengan kemurahan harga-nya itu telah dapat meyakinkan orang ramai dalam mengatasi masalah2 yang timbul dalam hal2 keperluan hidup sa-hari2.

Turun-nya harga2 beras yang mungkin di-lakukan itu ada-lah berkat usaha dari anggota2 perwakilan Kerajaan kita dalam perundingan2 yang di-lakukan hari2 ini dengan pihak Negeri Thai. Kejatuhan harga beras itu ada-lah juga berkat rapai dengan telah banyak-nya beras di-dunia sekarang ini dan beberapa buah negara yang sebelum-nya berharap kepada pembelian beras dari luar telah berjaya menggunakan sendiri bekalan beras untuk mereka. Ini menyebabkan, negara2 pengeluar beras seperti Thailand telah kelimpahan beras kerana kurangnya negara2 yang meminta bekalan dari negeri itu. Ini-lah satu sebab yang meyakinkan Negeri Thai untuk tidak mengabaikan harga export beras-nya, dan kerajaan Brunei mendapati bahawa perang ini ada-lah amat baik pada mengurangkan beban yang dipikul oleh rakyat berhubung dengan harga beras di-negeri ini.

Menurut Pegawai Sektor dan Perbekalan, Awang Anthony Newn bahawa kerajaan akan terus menjalankan usaha2 untuk mengawal harga itu dari melambung tinggi.

Tetapi hal ini ada-lah bergantung kepada keadaan, kerana jika negara2 yang mengurangkan pembelian beras-nya sekarang ini bertumpu semula ke-negara2 pengexport beras itu, maka ia-nya sebab mungkin harga beras akan naik semula dan mungkin lebih tinggi dari apa yang pernah kita alami jika negara2 pengexport itu sendiri telah mengubah pengexport-nya.

Dalam hal ini-lah yang harus kita fikirkan bahawa turun-naik-nya harga beras itu bukan-lah atas kehendak Kerajaan. Malah Kerajaan sentiasa menjalankan ikhtiar2 supaya rakyat tidak susah.



Padi2 yang di-kekat dari ladang di-kumpul ka-dalam goni sa-hingga penuh sa-telah di-irak dengan menggunakan alat pengirik yang di-perkenalkan oleh pegawai2 Jabatan Pertanian.



Kaum ibu tani ada-lah tenaga2 yang halus, tetapi paling kuat bekerja di-ladang2 mereka dengan tidak mengira jereh-payah, malah mereka bagi2 mereka dengan kerja2 yang demikian.



Di-ladang, pegawai2 pertanian tidak hanya menunjukkan bagaimana alat2 moden di-gunakan untuk memudahkan kerja2 berladang, tetapi juga mereka telah turut sama menunjukkan bagaimana barang2 padi itu harus di-potong menurut kehendak alat mengirik yang di-perkenalkan mereka.

## TEMASHA MENGETAM PADI DI-JALAN MUARA

HARI minggu yang baru lalu dan herapa hari sablum-nya, penduduk2 di-Kampung Kapok, Jalan Muara telah mengadakan gotong-royong bagi mengetam padi di-dua buah ladang yang terbentang luas di-kampung tersebut.

Beberapa keistimewaan telah terdapat dalam kerja gotong-royong yang telah menjadikan suasana-nya begitu meriah. Selain itu tidak terasa akan kepenatan-nya. Lebih tepat lagi di-katakan bahawa kumpulan pegawai2 yang ramai itu menjadikan suasana begitu teras akan keadilan-nya dan sa-olah2 sebagai satu temasha petani yang sejati. Perpaduan dan kemerseran di-kampung tersebut telah menjadi kenyataan dengan kebasan2-nya yang lama yang telah memusatkan kepada kata sepatok, berat sama di-pikul dan ringan sama di-jinjing. Sama kenal dengan lumpur, sama2 memahami peragai sang lintah, sama2 biasa dengan air, sama2 kenal dengan lumpur, sama2 memahami dengan putaran "singkir angin" yang mengantikan bunyi untuk menakutkan sang pipi dan bagitu kenal dengan sang pipi yang hanya mementingkan perut-nya sahaja tanpa menghiraukan perut2 keluarga tani itu, sa-olah2 kemerseran yang asli dan sejati.

Temasha mengetam dan seterusnya pengirik padi di-kampung itu telah berkesan dengan satu chara yang mudah, menjimat masa dan mengurangkan tenaga dari satu alat pengirik yang di-kenalkan oleh pegawai2 dari Jabatan Pertanian.

Petani2 yang biasa dengan chara baru ini amat tertarik dengan alat tersebut yang bentuk-nya begitu sederhana dan chara2 yang mudah di-lakukan-nya pun amat senang. Sa-orang demi sa-orang dari mereka telah mencuba alat tersebut dan mendapati-nya benar2 berkesan dan menjimatkan.

Menurut Pegawai Pertanian Kanan, Awang Haji Suhaimi bin Haji Ismail yang di-bantu oleh beberapa orang pegawai pertanian untuk mengenalkan alat tersebut kepada petani2, bahwa alat pengirik itu sebenarnya ialah alat yang telah di-kenalkan dahulu, tetapi ia-nyak di-gunakan kerana beberapa sebab yang berbeza dengan pendapat2 yang masehi beberapa orang kepada alat yang biasa di-kalangan petani pada waktu itu. Tetapi pada waktu jenerasi baru yang tidak asing dengan peralatan pertanian yang moden, maka usaha mengenalkan alat tersebut telah ibangkar semula dan telah mendapat sambutan yang baik mengalakkan.


Menurut beliau lagi, Jabatan Pertanian telah lama memiliki alat itu yang di-beli dengan harga kira2 \$20.00, tetapi beliau tidak mengetahui harga sekarang.

Igan menggunakan alat pengirik ini, petani2 tidak pnah menanti dengan chermal-nya yang betul2 yang isat. Alat ini berkehendak padi2 yang di-sabit dengan rumput-nya sekali. Ini telah mengantikan kepada alat itu untuk melicuhkan bukadu itu dari tangkai-nya. Alat ini mempunyai pemanya sendiri dengan hanya menginjakkan kaki kapu pedal yang ada di-bagian luar alat itu.

Penunjukan menggunakan alat itu telah di-ada di-ladang2 yang di-punyai oleh Awang Mohsin bin Pukul dan Awang Haji Mina bin Bulat, kedua-dua terletak di-kampung itu.

Petani2 yang ingin mencuba alat tersebut bolehlah berhubung dengan Pejabat Pertanian.

Ini-lah alat pengirik yang di-perkenalkan oleh pegawai2 pertanian. Dengan alat ini akan dapat memudahkan tenaga, masa dan ia-nya bagi2 mudah di-jakan. Alat ini tidak mempunyai jentera dan ia-nya hanya di-lakukan dengan menginjakkan pedal yang ada di-luar alat itu.



Wanita2 tani ini maseh lagi menggunakan chara memuai yang bagitu chermat. Chara ini tidak beresamuln seperti yang di-perlukan oleh alat pengirik yang di-perkenalkan ini. Chara ini biasa-nya di-gunakan untuk di-irak dengan chara yang lama seperti di-hinjak dengan kaki dan tana2 lagi.

Wanita2 tani yang kita lihat dalam beberapa waktu dahulu yang kebanyakan-nya telah mempergunakan berkesan2 yang terdapat pada kuali2 tubuh mereka di-sehkan balang dan sa-umpama-nya, telah jarang kita jumpa hari ini. Wanita2 tani sekarang telah tau untuk menjaga kulit mereka dari menjadi rosak dengan menggunakan kemudahan2 yang dapat di-beli atau di-buat sendiri untuk melindungi kuali2 mereka itu. Dalam gambar ini dapat di-lihat sa-orang wanita tani dengan menggunakan sarung-tangan untuk melindungi tangan yang halus itu menjadi mangsa dari duri dan talang atau penyakit2 kulit yang mungkin di-timbulkan dari ladang mereka.



Awang Haji Suhaimi (bertopi putih) dan pegawai2 pertanian sedang memperbaiki Awang Mohsin bin Pukul sa-waktu mencuba alat pengirik tersebut. Turut menyaksikan juga (bertopi hitam) ialah Pengelola Rancangan Pertanian di-Radio, Awang Ramlie Md. Said.



## Mashuarat Guru2 Besar Daerah Tutong

TUTONG. — Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Haji Hashim bin Haji Tahir telah menasehatkan guru2 besar sekolah2 Melayu di-negeri ini supaya mengamalkan tugas yang sempurna mengikut dasar sa-bagai sarorang pegawai kerajaan.

Awang Haji Hashim memberi nasehat ini ketika merasmikan mashuarat guru2 besar sekolah2 Melayu di-Tutong Satu di-Sekolah Melayu Sinaut pada hari Isnin lepas.

Mashuarat tersebut yang telah di-pengerusikan oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Tutong Satu, Awang Abdullah bin Penyurat Haji Abu Bakar itu telah membincangkan beberapa perkara termasuk chara memperbaiki lagi pentadbiran sekolah2.

Mashuarat itu juga telah membincangkan chara untuk meninggikan lagi taraf pelajaran di-sekolah2 Melayu.

## Mayat bayi di-jumpai di-tempat membuang sampah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mayat sa-orang bayi lelaki yang di-bungkus dengan sa-helai sarong yang berwarna warni telah di-jumpai di-tempat membuang sampah bandar di-Batu 3 Jalan Tutong, pada minggu lalu.

Pulis perchaya anak itu telah di-buang terlebih dahulu ka-dalam tong sampah yang biasa di-kawasan Bandar Seri Begawan mungkin di-Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu atau Bangunan Cathy.

Pulis merayu kepada orang ramai supaya memberi maklumat jika mereka ada melihat sa-siapa membawa sa-barang bungkusan pada awal pagi hari Khamis lepas.

Pulis juga merayu kepada orang ramai supaya memberitahu mereka jika mereka menshaki sa-barang perempuan yang mengandung terutama sekali yang belum kahwin yang hampir2 beranak, sa-belum mayat bayi itu di-jumpai, yang boleh jadi ada kaitan-nya dengan mayat itu.

Maklumat boleh di-berikan kepada balai pulis yang berhampiran atau terus kepada Pegawai Pemerintah Pulis Daerah.

Nama orang yang memberi maklumat itu akan di-rahsiaikan.

## JAWATAN KOSONG

### Sa-bagai Pegawai2 Banchi

PERMOHONAN ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 sementara sa-bagai Pegawai2 Banchi di-Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei pada bulan Ogos, 1971.

1. 50 orang Penyelia (Kaki-tangan Kerajaan sahaja).
2. 275 orang Penemuduga.

#### Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Sijil Rendah Pelajaran atau sa-banding-nya.

Ada-lah menjadi keutamaan jika pemohon2 mempunyai pengalaman terdahulu dalam Banchi Penduduk, Banchi Pertanian, Pengkajian Demogرافي, dan lain2.

#### Tugas:

##### 1. PENYELIA:

Menghadhiri latehan sa-lama lebeh kurang tiga hari di-Pusat Banchi, Bandar Seri Begawan.

Memberi latehan kepada Penemu2 Duga.

Mengawas penemu2 duga.

##### 2. PENEMU-DUGA:

Menghadhiri latehan selama lebeh kurang tiga hari di-Pusat Banchi di-daerah masing2.

Menemu duga penduduk2 di-kawasan banchi yang di-berikan kepadanya.

#### Pembayaran:

Bayaran2 yang berikut akan di-bayar kepada chalun2 yang berjaya:-

Penyelia — \$288/- bagi keseluruhan tempoh 24 hari.

Penemu-duga — \$110/- bagi keseluruhan tempoh 10 hari.

Jumlah ini ada-lah termasuk perbelanjaan kenderaan.

Elaun perkhemahan, jika perlu, akan di-pertimbangkan.

#### Pemohonan:

Pemohonan yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Penguasa Banchi, Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10 April, 1971.

Kaki-tangan2 Kerajaan boleh juga mendapati borang permohonan dari Ketua2 Pejabat dan mengembalikannya melalui Ketua Pejabat-nya.


#### Peringatan:

Dengan memohon jawatan2 di-atas segala permohonan untuk pekerjaan lain tidak-lah terganggu atau terhalang. Kaki-tangan Kerajaan akan di-bebaskan dari menjalankan kerja2 biasa mereka di-kehendaki menjalankan kerja pembanchian.



Pemain2 pasukan Brunei bergambar ramai dengan pemain2 pasukan Tentera Laut Di-Raja Thai sa-belum mengadakan perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan di-padang Besar Bandar Seri Begawan pada minggu lalu. Dalam perlawanan tersebut mereka telah seri satu gol berbalas satu.

## SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





## JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

### Sa-bagai Penyelenggara Setor Steward Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan Penyelenggara Setor Steward Tingkat II di-Rumah Sakit, Daerah Kuala Belait, Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Negeri Brunei.

#### Kelayakan2:

Chalun2 yang di-lantek mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan

Tawaran yang salah alamat tidak akan di-layan.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi atau pun sa-barang tawaran.

Pemborong2 tempatan adalah di-pelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada PENGURUSI LEMBAGA TAWARAN di-alamat Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei salewat2-nya pada 29 Mach, 1971 jam 4.00 petang untuk mengadai makan dan minum untuk Kursus Guru2 Ugama kali yang ka-IX selama satu minggu mulai 16hb. hingga 22hb. April, 1971 bertempat di-Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit, Batu 1½, Jalan Tutong, Brunei.

Pemborong2 hendak-lah menghantar surat tawaran mereka dengan sampul surat tertutup kepada PENGURUSI LEMBAGA TAWARAN BRUNEI dan memberikan tanda "TAWARAN MAKAN/MINUMAN KURSUS GURU2 UGAMA" dan disertakan sekali dengan wang chengkeram sa-banyak \$50.00 (lima puluh ringgit sahaja), wang tersebut akan di-kembalikan kepada pemborong2 yang tidak berjaya kelak.

Ramai peserta Kursus lebeh 200 orang. Document2 atau keterangan2 lanjut dan borang mengenai tawaran ini boleh-lah di-dapati dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei pada bila2 masa sa-waktu hari bekerja biasa.

Kerajaan tidak akan terikat pada tawaran yang lebeh murah atau tawaran saumpamanya.

### Sa-bagai Serang Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan yang terdiri daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan Serang Tingkat II di-Jabatan Kastam dan Bea, Brunei.

#### Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 22 tahun dan mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman di-laut yang mana 2 tahun sekurang2-nya ada-lah sa-bagai Kelasi Tingkat I (Deck).

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Kecekapan sa-bagai Mate Coastal Trade Ship.

salah satu mata pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 2 EB 3 — \$270x15-360/EB/380x20-480.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 3 April, 1971.

### Apprentice Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Apprentice Tingkatan II di-Pejabat Bahagian Jentera, Jabatan Perbendaharaan, Brunei.

#### Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya darjah V Melayu dan berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

b) Pemohon2 mesti-lah dapat menunjukkan bakat mereka bagi menjalankan kerja2 memperbaiki jentera2 pejabat.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2 EB 3 — \$180x5-195/EB/200x5-220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantarkan melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 2 April, 1971.

### Sa-bagai Guru

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada guru2 terlatih untuk memenuhi jawatan2 kosong di-Jabatan Pelajaran, Brunei. Pemohon2 yang di-pileh akan di-temuduga di-Singapura, Malaysia atau Brunei dan mereka yang berjaya di-jangka akan mula bertugas dalam bulan Januari, 1972.

#### Bagi Sekolah2 Menengah Aliran Melayu:

Guru2 untuk mata-pelajaran2 yang berikut sahaja:-

- (a) Sains; (b) Ilmu Hisab; (c) Domestic Sains; (d) Bahasa Inggeris dan (e) Lukisan Perindustrian.

#### Bagi Sekolah2 Menengah Aliran Inggeris:

Beberapa kekosongan bagi guru2 untuk mata-pelajaran2 sekolah menengah, lukisan perindustrian dan domestic sains.

Pemohon2 yang berjaya akan di-tempatkan ka-dalam salah satu daripada sukatan gaji yang berikut; gaji permulaan bergantung kepada kelulusan dan pengalaman.

a) Guru2 terlatih tidak berijazah: T. 7 B\$440x20-660x30-840.

b) Guru2 terlatih berijazah (Ijazah 'Am): T. 8 B\$620x20-660x30-990.

c) Guru2 terlatih berijazah (Ijazah Honours): T. 9 B\$750x30-1,200.

d) Pegawai2 Pelajaran — (Ijazah Honours serta kelulusan professional post-graduate): B. 2 EB 3 — B\$1020x40-1620/EB/1670x50-1820.

#### Tempoh Perkhidmatan:

Satu ktrek selama tiga tahun dan ktrek boleh di-baharu dengan persetujuan bersama.

#### Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Mach, 1971.

Tawaran akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Kewangan Negara, Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada hari Isnin 12 April, 1971 kerana:

#### PENGURUSAN RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN DI-BANGAR, TEMBURONG.

Rumah Persinggahan itu mempunyai alat2 memasak, pinggan2, peti2 sejok, meja2 dan kerusi2 makan dan lain2-nya.

Pemborong yang berjaya tidak di-benarkan menyewakan kebenaran berniaga yang telah di-perolehi itu, kepada orang lain. Walau bagaimana pun dia ada-lah di-kehendaki menggaji sa-kurang2-nya sa-orang pembantu. Dia dan pembantu-nya ada-lah di-kehendaki tinggal di-Rumah Persinggahan itu.

Pemborong yang berjaya ada-lah di-kehendaki menyediakan minuman2 ringan dan barang2 masakan kepada Pegawai2 Kerajaan, yang terdiri daripada berbagai bangsa. Minuman2 keras boleh-lah di-adakan terta'alok kepada kebenaran yang di-perolehi daripada Lembaga Melesen Minuman2 Keras, Brunei.

Harga barang2 makan dan minuman2 ada-lah mengikut persetujuan antara pemborong dengan Pejabat Daerah, Temburong.

Pemborong yang berjaya akan di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian untuk tidak lebeh daripada 2 tahun dengan Pejabat Daerah, Temburong.

Pemborong yang berjaya dan pembantu-nya ada-lah di-kehendaki lulus pepereksaan Kesihatan, sa-belum di-benarkan memulakan perniagaan.

Tawaran2 di-masokkan dalam sampul surat yang tertutup. Di-luar sampul surat itu hendak-lah di-tulis 'Catering of the Government Rest House in Bangar' dengan tidak menyatakan nama pengirim-nya. Tawaran2 itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Brunei, Bandar Seri Begawan.





**P**ADA hari Sabtu lepas, Askar Melayu Di-Raja Brunei telah mengadakan pameran alat2 kelengkapan tentera di-Dewan Kemasharakatan di-Kuala Belait.

Pameran itu di-adakan sempena dengan kempen mengambil rekut2 bagi pasukan itu di-Kuala Belait pada hari tersebut.

Semasa pameran itu di-adakan alat2 kelengkapan perhubungan, meriam2 dan berbagai pakaian dan pakaian seragam yang di-pakai oleh pasukan itu telah di-pertunjukkan kepada orang ramai.

Kereta2 peninjau pasukan itu juga telah di-tunjukkan dalam pameran itu.

Dalam gambar atas menunjukkan bagaimana orang ramai telah di-layan dengan memberikan penerangan2 berhubung dengan alat2 itu. Turut juga memberikan penerangan di-pameran itu ialah Pegawai Perubatan dan Kesihatan AMDB, Lt/Col. Dato Moran saperti yang dapat di-lihat dalam gambar atas.

## Lembaga Pentadbir Pusat Belia

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Kerajaan telah menubuhkan sa-buah Lembaga Pentadbiran bagi Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan.

Lembaga itu yang di-pengerusikan oleh Pesuruhjaya Kebajikan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri, mengandungi 8 orang ahli.

Pemangku Penyelia bagi Pergerakan Belia, Awang Mohamed Yassin bin Awang Said, telah dilantik sa-bagai pemangku setia-usaha.

Lain2 ahli dalam Lembaga itu ialah: Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-

## BERAS

(DARI MUKA 1)

Mengenai dengan tempahan beras yang baru itu, beliau berkata bahawa Brunei telah membeli 10,000 tan jenis beras kelas rendah dan pengirimannya yang pertama di-jangka tiba pada hujung bulan ini.

Beliau menegaskan bahawa walaupun Kerajaan memutuskan untuk membeli beras jenis kelas rendah itu, tetapi orang ramai tidak akan merasa ada-nya perbezaan di-segi mutu dan rasa-nya.

## PEGAWAI PERPINDAHAN BERIKRAR UNTUK MEMBANTU DASAR KERAJAAN

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pegawai Perpindahan yang baru, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin Al-Haj berikrar akan berusaha sedaya upaya-nya untuk membantu dasar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei untuk meninggikan taraf hidup raayat di-negeri ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin Al-Haj telah berucap kepada penduduk2 di-kawasan

## UNIT MENKKAJI BENEH2 TANAMAN DI-TUBOHKAN

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Bahagian Pathology atau penyiasatan penyakit tumbuhan2 di-Jabatan Pertanian telah mengadakan satu unit bagi menguji dan mengkaji beneh2 bagi membantu peladang2 di-negeri ini.

Pakar ilmu penyakit tanaman Awang W.T.H. Peregrine pada menyatakan penubuhan bahagian itu berkata, ini adalah penting, oleh kerana hasil dari sa-suatu tanaman ada-lah sangat bergantung atas mutu beneh yang di-gunakan.

Awang Peregrine berkata lagi, biji beneh yang kurang baik atau berpenyakit akan mendatangkan hasil yang ke-

chil dari apa yang boleh di-dapati.

Unit itu akan menentukan bahawa semua beneh sayor dan beras yang di-keluarkan oleh jabatan itu akan bermutu tinggi.

Sa-lain dari menjalankan penyiasatan yang teliti, beneh2 itu akan di-semboakan dengan obat supaya terpelihara dari penyakit2 tanaman.

Awang Peregrine menambahkan-kata, perkhidmatan ini terbuka juga kepada peladang2 yang mengadakan beneh2 mereka sendiri.

Mereka boleh membawa beneh2 itu ka-Pusat Pertanian yang dekat kapada mereka, supaya beneh2 itu dapat di-semboakan dengan obat dengan tidak di-kenakan bayaran.

Peladang2 yang berkehendakkan ujian beneh dengan lebeh teliti bolehlah mengirim beneh-nya dengan pos atau membawa chontoh2 kapada pakar tanaman itu di-Pejabat Pertanian, Bandar Seri Begawan.

Ujian beneh itu juga tidak di-kenakan bayaran.

Awang Peregrine berkata lagi, ada-lah mustahil hendak mengetahui kesuburan beneh2 itu dengan tidak di-adakan ujian terlebeh dahulu ka-atas beneh tersebut.

Peladang2 ada-lah di-seru supaya menghantar beneh2 itu bagi ujian, ia-itu sa-bulan sa-belum menanam-nya.

Beliau mengingatkan peladang2 bahawa menanam beneh2 yang tidak baik akan tidak mendatangkan hasil dan tidak berfaedah, hanya menghabiskan masa, wang dan tenaga saja.

Perpindahan Berakas di-satu perjumpaan di-dewan Kampong Jaya Setia baru2 ini.

Beliau menyeru penduduk2 di-kawasan itu supaya memberikan kerjasama bagi mencapai tujuan2 itu.

Pegawai Perpindahan itu berikrar akan menolong mereka untuk mengatasi sebarang kesulitan.

Kemudian dari itu sa-orang demi sa-orang penduduk2 di-kawasan perpindahan itu telah mengemukakan masalah mereka kapada Pegawai Perpindahan itu.

Turut hadir di-majlis perjumpaan itu ialah Penolong Ketua Teknikal Perpindahan Yang Di-Mulihkan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohamed Taha bin Awang Haji Bakir.

## Menjalani kursus urusan rumah tangga

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Tiga orang guru ugama perempuan telah berlepas dari Brunei ka-Singapura untuk melanjutkan kursus urusan rumah tangga di-Yayasan Trengkas Melayu Malaysia di-Republik itu pada hari Isnin lepas.

Mereka ia-lah Dayang Maznah binte Taha, Dayangku Mastura binte Pengiran Mustapha dan Dayang Emah binte Ahim.

Mereka akan menjalani kursus itu kira2 selama 6 hingga 12 bulan.

Pemergian mereka itu ada-lah merupakan kali pertama guru2 ugama tempatan yang mengahdiri kursus sa-rupa itu di-Singapura yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama atas dermasiswa Kerajaan Brunei.

## Pembinaan lapangan terbang

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pesuruhjaya Kemajuan menyatakan baru2 ini bahawa masaalah yang berhubung dengan kelambatan pembinaan lapangan terbang antara bangsa sedang di-pereksa.

Beliau telah menjelaskan tentang satu berita dalam Borneo Buletin keluaran 13 Mach yang di-antara lain telah menyebut mengenai lanjutan masa bagi kerja2 menyempatkan lapangan terbang itu.

Pesuruhjaya Kemajuan itu berkata, berita itu hendak-lah jagan di-sifatkan sa-bagai satu keputusan muktamad yang mungkin tercapai mengenai perkara itu.

Beliau berkata, masaalah itu, maseh lagi di-kaji oleh Yang Amat Mulia Menteri Besar.



Gambar atas menunjukkan tiga orang guru2 ugama yang akan menjalani kursus urusan rumah tangga itu. Dari kiri ia-lah Dayang Maznah, Dayang Emah dan Dayangku Mastura.